

Kuala Lumpur: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) akan menerima gerabak pertama yang di-kilang di China dan memulakan pemasangan di Malaysia pada 28 Mei 2014.

Pengarah Perhubungan Awam dan Komunikasi Strategik MRT Corp Sdn Bhd Amir Mahmood Razak berkata, gerabak berkenaan dihasilkan di China akan dibawa masuk pada Mei nanti dan dipasang semula di kilang pemasangan yang terletak di Rasa, Hulu Selangor.

"Penghantaran pertama akan dilakukan pada Mei nanti dan kami menjangkakan untuk membuat percubaan menggunakan gerabak pertama itu pada 31 Ok-

Gerabak pertama MRT diterima Mei ini

“Sebelum memulakan operasi pada 2016, kami perlu membuat pelbagai ujian dan percubaan khususnya berkaitan sistem keseluruhan”

Amir Mahmood Razak

tober nanti," katanya selepas pelancaran gerabak replika MRT di sini, semalam.

Gerabak replika berkenaan

akan dipamerkan untuk tontonan orang ramai di KL Sentral mulai semalam hingga 18 Mei 2014.

Menurutnya, pihaknya juga akan membuat percubaan di landasan sebenar menjelang Februari tahun depan.

"Sebelum memulakan operasi pada 2016, kami perlu membuat pelbagai ujian dan percubaan khususnya berkaitan sistem keseluruhan dan keselamatan," katanya.

Menurutnya, untuk laluan Sungai Buloh-Kajang, pihaknya akan membeli 58 gerabak dengan setiap ge-

rabak mempunyai empat koc yang boleh memuatkan sehingga 300 penumpang.

"Kapasiti maksimum setiap gerabak boleh memuatkan sehingga 1,500 penumpang, namun kami akan menghadkan hanya 1,200 penumpang dalam satu masa," katanya.

Menurutnya, selepas perkhidmatan berkenaan mula beroperasi pada 2016, pihaknya meletakkan jangkaan ia akan membawa sehingga 400,000 penumpang sehari.

"Namun, jumlah berkenaan dijangka terus bertambah

setiap tahun," katanya.

Selepas ia mula beroperasi kelak, 17 gerabak akan bertukar-ganti setiap setengah jam dengan kekerapan perkhidmatan setiap 3.5 minit. Ia dijangka ditingkatkan kepada 1.8 minit menjelang 2050 dengan 33 gerabak akan bersilih-ganti dalam tempoh 30 minit.

Tempoh yang diperlukan untuk perjalanan dari Sungai Buloh ke Kajang adalah 88 minit, manakala perjalanan dari Sungai Buloh atau Kajang ke pusat bandar Kuala Lumpur mengambil masa hanya 28 minit.